

Finas dan UMS anjur Bengkel Bikin Filem Pendek 2017

UB 23.7.2017 B5

Oleh MOHD AFIS ISMAIL

(Penerbit UMS)

PERBADANAN Filem Nasional Malaysia (Finas) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah dan Jabatan Pendidikan Sabah anjurkan "Bengkel Bikin Filem Pendek Cinta Negaraku" selama 5 hari berturut-turut. Bengkel ini bertemakan "Filem Pemangkin Semangat Cinta Negaraku" selaras dengan wawasan untuk mengangkat kualiti filem negara dipersada seni. Penyeriaan 10 buah

sekolah sekitar Sabah termasuk Maktab Sabah, Smk Likas, Smk Inanam, Smk Perempuan Likas, Kota Kinabalu High School, Smk Bandaraya, Smk Taman Tun Fuad, Smk Kelombong dan Sm Lok Yuk. Bertempat di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Blok Seni, Peserta diberi pendedahan mengenai asas-asas penerbitan filem.

Program ini terjemahan kepada "Inisiatif negaraku" yang diumumkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia baru-baru ini akan pentingnya perpaduan



JIBRAIL


dan semangat cinta negara difahami serta dijadikan amalan oleh segenap lapisan masyarakat.



ISYKANDAR

Selain itu, peserta dapat mempelajari teknik lakonan, solekan artis, teknikaliti penggambaran dengan tersusun dan proses penerbitan filem dari peringkat Pra-Produksi, Produksi dan Pasca-Produksi (Penyuntingan).

Di akhir program, 10 produksi menghasilkan filem pendek dan peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan mengikut sekolah masing-masing. Peserta dibawah bimbingan pelajar tahun akhir Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS. Johan bakal memenangi Rm1,000, Naib Johan Rm750, Tempat Ketiga Rm500 dan hadiah sahuhati Rm300 diberi



TAKLIMAT dari penyarah UMS Prof Madya Dr Zairul Anwar.

kepada 7 sekolah.

Menurut Zulkurnanin Hassan selaku Ketua Wilayah Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan Finas Sabah, bengkel kali ini memberi pendedahan anak muda untuk mempelajari asas filem akan melahirkan generasi menguasai bidang perfileman dengan baik.

Turut hadir Penasihat Industri Kreatif Sabah, Datuk Deddy M. Borhan mengharapkan bengkel ini bukan sahaja mencungkil bakat pelajar sekolah di pelusuk negara, mungkin ada dalam kalangan mereka dapat menyumbang kepada industri perfileman negara di masa akan datang.

"Bengkel sebahagian

daripada pembelajaran dan kokurikulum pelajar yang meminati bidang seni. Kerjasama antara FINAS dan tenaga pelajar UMS dan KPM akan meningkatkan kualiti pembelajaran dan sijil itu sendiri menjadi nilai tambah kepada kokurikulum sedia ada" katanya.

Menurut Jibrail Bansiau, pendedahan kepada teknik pembelajaran secara praktikal dan tidak bergantung kepada pengetahuan teori baik untuk pelajar. Di samping mengetahui susur galur proses pembikinan filem dengan teratur dan teliti mengikut prosedur ditetapkan Finas.

Isykandar Yahya, berpendapat bahawa bengkel

ini membantu meluaskan pengetahuan am khususnya rukun dalam industri perfileman dan membezakan istilah-istilah asas yang diajar. Ianya satu platform untuk anak muda seperti kami menceburi bidang seni khususnya.

Dengan penganjuran bengkel ini, persepsi terhadap medium filem penting untuk dijadikan bahan dakwah, menyampaikan idea, percambahan fikiran, mengkhabarkan peristiwa semasa dan sensasi, mengiklankan barang dan perniagaan serta penghasilan dokumentari, filem-filem pendek dan cereka khususnya.



SEBAHAGIAN peserta semasa bengkel berlangsung.